

TERJEMAHAN MAKNA AYAT KAWNIYYAT BERDASARKAN TAFSIR ‘ILMI: SATU PENILAIAN SEMULA TERHADAP AYAT AL-QURAN MENGENAI PENCIPTAAN TUMBUHAN

Oleh:

Ahmad Bazli Ahmad Hilmi
Rossidi Usop
Selamat Amir

ABSTRAK

Antara syarat penterjemahan makna al-Quran ialah penterjemahan tersebut dilakukan oleh satu jawatankuasa yang terdiri daripada mereka yang pakar dalam bidang-bidang tertentu seperti bahasa Arab, bahasa pengantar yang digunakan, tafsir dan bidang-bidang lain seperti sastera, sejarah, geografi, kimia, biologi, perubatan, kejuruteraan, undang-undang dan seumpamanya kerana al-Quran bukan membincangkan persoalan hukum semata-mata malah terkandung di dalamnya elemen pelbagai bidang ilmu. Ayat al-Quran yang kebiasaannya menjadi perbincangan dalam penterjemahan makna ialah ayat yang berkaitan dengan ciptaan atau lebih dikenali dengan ayat kawniyyat. Hal ini kerana ayat kawniyyat ini secara tidak langsung mengandungi elemen sains yang memerlukan kepakaran mereka yang berkecimpung dalam bidang tersebut untuk mengetahui makna yang tepat agar terjemahan yang dilakukan selari dengan fakta sains moden. Objektif kajian ini adalah untuk menilai semula terjemahan makna ayat kawniyyat berkaitan penciptaan tumbuhan berpandukan fakta sains moden untuk menyerasikan antara kedua-duanya. Kajian yang menggunakan metodologi kajian perpustakaan ini dijalankan dengan menganalisis terjemahan makna ayat tersebut menggunakan tafsir ‘ilmi atau tafsir yang berorientasikan sains untuk mengetahui sama ada terjemahan makna ayat tersebut selari dengan fakta sains moden. Terjemahan makna sebenar kepada ayat tersebut kemudiannya dicadangkan. Hasil kajian mendapati terdapat penambahan nilai dalam terjemahan makna ayat 25 Surah Maryam pada makna kalimah rutab yang diterjemahkan dengan “buah kurma/tamar” sedangkan perkataan yang lebih tepat berdasarkan fakta sains semasa ialah “buah kurma basah”.

Kata kunci: Terjemahan makna, ayat kawniyyat, tumbuhan, tafsir ‘ilmi dan sains.

PENDAHULUAN

Walaupun aktiviti penterjemahan al-Quran di Malaysia telah berkembang sekian lama, namun tidak wujud panduan atau kaedah yang berdisiplin dan diiktiraf dalam amali penterjemahan tersebut.¹⁴² Hal ini menyebabkan terdapat beberapa permasalahan dalam sesetengah terjemahan al-Quran yang telah menimbulkan kekeliruan. Permasalahan yang timbul telah mendorong ahli

¹⁴² Muhammad Nur Lubis Abd Razak, 2004, *Penterjemahan Makna Al-Quran: Kajian Ke Arah Melahirkan Kaedah Penterjemahan Makna al-Quran*. (Tesis PhD, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), hlm. 12.

akademik menggariskan beberapa panduan dan kaedah dalam aktiviti penterjemahan makna al-Quran agar tidak berlaku sebarang kesalahan atau kekurangan yang akan merendahkan kedudukan al-Quran sebagai sumber premier dalam Islam.

Antara kaedah yang dicadangkan ialah mensyaratkan penterjemahan al-Quran dilakukan oleh satu jawatankuasa yang terdiri daripada mereka yang pakar dalam bidang-bidang tertentu seperti bahasa Arab, bahasa pengantar dalam penterjemahan dan tafsir. Selain itu, penglibatan golongan yang pakar dalam bidang sastera, sejarah, geografi, kimia, biologi, perubatan, kejuruteraan, undang-undang dan seumpamanya juga adalah satu kemestian kerana al-Quran bukan membincangkan persoalan hukum semata-mata malah terkandung di dalamnya elemen pelbagai bidang.¹⁴³ Penterjemahan al-Quran tanpa kepakaran golongan ini sudah pasti akan menyebabkan hasil terjemahan tidak tepat, ini kerana ungkapan ada mengatakan “banyak kepala lebih baik daripada satu kepala”. Terdapat juga cadangan penubuhan Jawatankuasa Semakan Terjemahan al-Quran yang dianggotai oleh golongan pakar dalam bidang yang berkaitan bagi memastikan setiap terjemahan al-Quran yang diedarkan adalah berlandaskan kaedah yang betul.¹⁴⁴

Bertitik tolak daripada kaedah dan cadangan tersebut penulis cenderung untuk menilai kembali ayat al-Quran yang kebiasaannya disalah terjemahkan makna iaitu ayat yang berkaitan dengan ciptaan atau lebih dikenali dengan *ayat kawniyyat*. *Ayat kawniyyat* ini secara tidak langsung mengandungi elemen sains yang memerlukan kepakaran mereka yang berkecimpung dalam bidang tersebut untuk mengetahui makna yang tepat agar terjemahan yang dilakukan selari dengan fakta sains moden. Penulis memfokuskan kajian terhadap ayat al-Quran berkaitan penciptaan haiwan berpandukan *tafsir ‘ilmi* yang berorientasikan pemanfaatan hasil penemuan dalam bidang sains bagi memastikan penterjemahan makna ayat yang dilakukan bertepatan dengan fakta sains moden.

¹⁴³ Nur Lubis, 2004, *Penterjemahan Makna*, hlm. 546-647.

¹⁴⁴ Mohd Shukri Hanapi, 2003, *Terjemahan al-Quran Dalam Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., hlm. 226.

Definisi Ayat Kawniyyat

Ayat kawniyyat merupakan gabungan dua perkataan *al-ayat* dan *kawniyyat*. Maksud bagi setiap perkataan tersebut akan diterangkan sebelum definisi *ayat kawniyyat* dibincangkan.

Al-ayat adalah satu kalimah Arab dalam bentuk tunggal, manakala jamak bagi *al-ayat* pula adalah *al-ayāt* atau *al-ay*. Dari sudut bahasa *al-ayat* mempunyai beberapa makna, antaranya ialah tanda atau alamat.¹⁴⁵ Menurut al-Shaybani *al-ayat* juga bererti kumpulan atau golongan. Makna lain bagi *al-ayat* ialah diri seseorang seperti ungkapan “ayat al-rajul” bermaksud dirinya. Sementara *al-ayat* daripada Kitabullah ialah kumpulan-kumpulan huruf atau perkataan daripadanya yang terpisah berdasarkan ungkapan secara lafaz.¹⁴⁶ Inilah pengertian *al-ayat* yang digunakan oleh penulis dalam kajian ini. Penggunaan lafaz *al-ayat* dengan makna ini secara langsung merujuk kepada ayat-ayat al-Quran al-Karim.

Perkataan *al-kawn* pula adalah kata terbitan kepada *kana* yang bermaksud alam semesta (keseluruhan kehidupan yang mempunyai tempat dan waktu), jamak bagi *kawn* pula ialah *akwan*.¹⁴⁷ Dalam erti kata lain *al-kawn* merujuk kepada semua jenis ciptaan seperti langit, bumi, gunung, sungai, haiwan, tumbuhan, manusia dan makhluk-makhluk yang lain. *Kawniyyat* adalah kata nisbah kepada *al-kawn*¹⁴⁸ yang berfungsi sebagai kata sifat kepada *al-ayat*.

Gabungan kata *ayat* dan *kawniyyat* memberi erti ayat-ayat al-Quran yang mempunyai kaitan dengan ciptaan atau alam semesta sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pengertian inilah yang akan digunakan oleh penulis dalam kajian ini.

Bilangan Ayat Kawniyyat

Penentuan jumlah bilangan *ayat kawniyyat* tidak dapat dipastikan secara tepat. Para pengkaji sendiri berbeza pandangan dalam hal tersebut. Al-Shaykh Tantawi Jawhari yang dianggap pelopor dalam bidang ini ada menyebut dalam tafsir beliau bilangan *ayat kawniyyat* berjumlah

¹⁴⁵ Al-Fayruzabadi, Muhammad Ibn Ya‘qub, 2005, *al-Qamus al-Muhit*. Beirut: Muassasat al-Risalah, ed. Ke-8, hlm. 1261.

¹⁴⁶ Zulkifli Mohd Yusoff, 2009, *Kamus al-Quran: Rujukan Lengkap Kosa Kata Dalam al-Quran*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd., hlm. 121.

¹⁴⁷ ‘Ammar, Ahmad Mukhtar, 2008, *Mu‘jam al-Lughah al-‘Arabiyyat al-Mu‘asarat*. Kaherah: ‘Alam al-Kutub, hlm. 1974.

¹⁴⁸ ‘Ammar, 2008, *Mu‘jam al-Lughah*, hlm. 1974.

lebih daripada 750 ayat yang terdapat keajaiban dunia kesemuanya.¹⁴⁹ Sebahagian pengkaji menganggarkan terdapat lebih daripada 900 *ayat kawniyyat* di dalam surah-surah al-Quran.¹⁵⁰

Sementara Dr. Zaghlul al-Najjar pula menyatakan bilangan ayat yang memberi isyarat *kawniyyat* dalam Kitabullah mengikut hitungan para pengkaji mencapai kira-kira 1000 ayat yang disebutkan secara jelas serta banyak ayat lain yang hampir jelas menunjukkan kepada isyarat tersebut.¹⁵¹

Dapat diperhatikan pendapat berhubung jumlah bilangan *ayat kawniyyat* semakin bertambah seiring dengan peredaran masa. Faktor perbezaan ini mungkin adalah disebabkan penyingkapan makna ayat al-Quran sejajar dengan kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi yang tidak diketahui sebelumnya, firman Allah SWT dalam surah al-An'am, ayat 67:

لِكُلِّ نَبِيٍّ مُّسْتَقَرٌّ وَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ﴿٦٧﴾

Maksudnya:

“Tiap-tiap khabar berita mempunyai masa yang menentukannya (yang membuktikan kebenarannya atau dustanya); dan kamu akan mengetahuinya.”¹⁵²

Prinsip Umum Perbincangan al-Quran Berkaitan al-Kawn

Berdasarkan pemerhatian terhadap *ayat kawniyyat* di dalam al-Quran, terdapat beberapa prinsip umum dalam perbincangan ayat tersebut. Penulis berpendapat prinsip tersebut adalah penting supaya kajian berkenaan *ayat kawniyyat* lebih terpandu. Prinsip tersebut ialah¹⁵³:

¹⁴⁹ Tantawi Jawhari, 1922, *al-Jawahir fi Tafsir al-Qur'an al-Karim*. T.tp: Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladihi bi Misr, jld. 1, hlm. 2

¹⁵⁰ Mustafa Muslim, 1996, *Mabahith fi I'jaz al-Qur'an*. Riyad: Dar al-Muslim li al-Nashr wa al-Tawzi', ed. Ke-2, hlm. 168.

¹⁵¹ Al-Najjar, Zaghlul, 2007, *Tafsir al-Ayat al-Kawniyyat fi al-Qur'an al-Karim*. Kaherah: Maktabat al-Shuruq al-Dawliyyat, jld. 1, hlm. 26

¹⁵² Semua terjemahan makna ayat al-Quran dalam tulisan ini adalah berdasarkan karya Abdullah Basmeih, 2002, *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, Kuala Lumpur, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, ed. kedua belas.

¹⁵³ 'Atar, Nur al-Din, 1993, *'Ulum al-Qur'an al-Karim*. Dimashq: Matba'at al-Sabah, hlm. 236-237.

- a) Al-Quran tidak menjadikan ilmu-ilmu berkaitan ciptaan sebagai salah satu topik yang asasi. Tujuan paling besar diturunkan al-Quran adalah sebagai panduan kepada manusia, firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 2:

ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾

Maksudnya:

“Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang-orang yang (hendak) bertaqwa.”

Dengan demikian Allah SWT tidak pernah meletakkan teori-teori sains.¹⁵⁴ Hal ini kerana apabila ilmu-ilmu tersebut sunyi daripada hidayah, akan bertukar menjadi kemusnahan kepada manusia. Sebagai contoh kepakaran manusia menjadikan nuklear sebagai satu sumber tenaga bermanfaat telah disalahguna menjadi senjata yang berbahaya. Namun demikian, al-Quran dalam masa yang sama telah meletakkan asas kepada kemajuan ilmu berlandaskan pemahaman yang betul dan menghapuskan pemikiran yang menyimpang.

- b) Ilmu-ilmu tabii adalah tertakluk kepada taraf kemajuan dari hari ke hari, maka al-Quran meninggalkan perbincangan teori-teori sains sebagai satu ujian kepada manusia. Perkara ini adalah sama seperti ditinggalkan kepada manusia gaya hidup, kerjaya, ekonomi, seni pertukangan supaya ruang tersebut sentiasa terbuka. Al-Quran menyokong ilmu tabii dan mendorong manusia supaya melihat ciptaan dan rahsia yang terdapat padanya.
- c) Al-Quran telah menetapkan bahawa ciptaan merupakan pembantu kepada manusia yang dipermudahkan bagi mereka, malah perkara ini turut dibuktikan oleh ilmu sains moden. Ini menunjukkan tidak wujud perbezaan antara agama dan sains, malah terdapat ramai ilmuwan Islam dahulu dan kini yang alim dalam agama dan pada masa yang sama pakar dalam sains seperti Ibnu Sina. Sama sekali tiada permusuhan

¹⁵⁴ Yang dimaksudkan ialah teori-teori sains yang terperinci, al-Quran sekadar meletakkan teori asas kepada ilmu sains. Malah Nabi SAW sendiri pernah menyebut: “Kamu lebih mengetahui tentang urusan dunia kamu” apabila baginda ditanya tentang pengacukan pokok.

antara Islam dan ilmu sains kerana ciptaan menurut perspektif al-Quran merupakan satu kemudahan kepada manusia. Al-Quran telah menyebut dengan jelas tentang hubungan antara ciptaan dan manusia dengan kalimah (sakhkhara) yang membawa maksud “khidmat berterusan”, firman Allah SWT dalam surah al-Jathiyah, ayat 13:

وَسَخَّرَ لَكُم مَّا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْاَرْضِ جَمِيعًا مِّنْهُۥ اِنَّ فِيْ ذٰلِكَ لٰٰيٰتٍ لِّقَوْمٍ يَّتَفَكَّرُوْنَ ﴿١٣﴾

Maksudnya:

“Dan ia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripadanya; Sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kemurahan dan kekuasaanNya) bagi kaum yang memikirkannya dengan teliti.”

- d) Al-Quran berbicara mengenai hakikat ciptaan dan tidak pernah menjelaskan teori-teori sains. Akan tetapi al-Quran berbicara dan menarik perhatian kepada keajaiban ciptaan dan tujuannya ialah sebagai dalil kepada Pencipta selain memperingatkan kepada manusia terhadap kurniaan Allah SWT kepada mereka. Kedua-dua tujuan ini adalah berhubung kait dengan objektif kedatangan al-Quran iaitu memberi hidayah kepada manusia, ini kerana kurniaan dan anugerah dapat mengundang kesyukuran, ketaatan dan taqarrub kepada Allah SWT.

Penterjemahan Makna Ayat Kawniyyat dan Tafsir ‘Ilmi

Aktiviti penterjemahan makna al-Quran tidak boleh dipisahkan dengan ilmu tafsir. Makna sebenar bagi ayat-ayat al-Quran tidak akan dicapai tanpa berpandukan tafsir. Oleh sebab itulah terjemahan makna al-Quran yang dibenarkan oleh syarak ialah terjemahan secara *tafsiriyyat* dan tiada perbezaan hukumnya dengan tafsir kerana terjemahan *tafsiriyyat* merangkumi semua kriteria tafsir. Malah hukumnya adalah fardu kifayah bagi umat Islam.

Memandangkan *ayat kawniyyat* mempunyai hubungan langsung dengan ilmu tabii, cara terbaik untuk mengetahui makna *ayat kawniyyat* ialah dengan menggunakan *tafsir ‘ilmi*. Menurut Salah ‘Abd al-Fattah al-Khalidi *tafsir ‘ilmi* ialah tafsiran ayat al-Quran secara ilmiah yang menepati kaedah-kaedah sains moden dan penjelasan makna saintifik terhadap ayat-ayat al-

Quran selaras dengan ketentuan dan analisis sains moden.¹⁵⁵ Namun *tafsir 'ilmi* mempunyai piawaian yang tersendiri yang perlu dipatuhi seperti mana berikut¹⁵⁶:

Pertama: Al-Quran adalah kitab hidayah. Sesungguhnya al-Quran al-Karim sebuah kitab hidayah yang berperanan memberi petunjuk kepada manusia supaya kembali kepada Allah untuk menerima tugas utamanya sebagai khalifah Allah di muka bumi.

Kedua: Tidak melampau dan terabai. Tidak melakukan penyelidikan secara berlebihan tentang ayat-ayat *kawniyyat* dan sebaliknya pula tidak mengabaikan aspek-aspek positif yang terdapat dalam alam ini yang dianugerahkan Allah untuk keperluan manusia.

Ketiga: Pendekatan al-Quran adalah fleksibel.

Pendekatan al-Quran dalam membentangkan ayat-ayatnya bersifat fleksibel yang boleh menerima pelbagai tafsiran yang sesuai.

Keempat: Hakikat sains adalah asas pembuktian.

Hendaklah dielakkan daripada andaian-andaian dan teori-teori sains yang tidak sampai ke tahap hakikat sains.

Kelima: Tidak menentukan makna satu ayat atas satu hakikat sahaja. Kadang-kadang satu hakikat sains yang ditentukan maksud kepada satu ayat, padahal ia adalah salah satu maksud kepada ayat.

Keenam: Mustahil berlaku pertembungan antara hakikat al-Quran dan hakikat sains. Mustahil berlaku pertentangan antara hakikat al-Quran dan hakikat sains kerana keduanya daripada sumber yang satu.

¹⁵⁵ Salah 'Abd al-Fattah al-Khalidi, 2008, *Ta'rif al-Darisin bi Manahij al-Mufasssirin*. Dimashq: Dar al-Qalam, ed. Ke-3, hlm. 566.

¹⁵⁶ Abdul Rashid Ahmad, 2009, Aspek-Aspek Kemukjizatan al-Quran, *Jurnal al-Bayan*, jld.7, hlm. 51-52.

Ketujuh: Hendaklah mengikut metode al-Quran dalam mencari ilmu pengetahuan. Perlu difahami bahawa segala hal itu bergantung kepada masanya. Justeru itu dikatakan bahawa sebaik-baik pentafsir bagi al-Quran adalah masa.

Contoh Penilaian Semula Terjemahan Makna Ayat-ayat al-Quran Mengenai Penciptaan Tumbuhan Berpandukan *Tafsir ‘Ilmi*

Bagi menjelaskan lagi peranan *tafsir ‘ilmi* dalam penilaian semula terjemahan makna al-Quran, dikemukakan satu contoh terjemahan makna bagi firman Allah SWT dalam surah Maryam, ayat 25:

وَهَزَىٰ إِلَيْكَ بِجِذْعِ النَّخْلَةِ تُسْقِطُ عَلَيْكَ رَطْبًا حَنِئًا ﴿٢٥﴾

Berdasarkan beberapa terjemahan makna sedia ada bagi ayat tersebut ialah seperti mana berikut:

Terjemahan al-Quran	Terjemahan Makna Ayat
Tafsir Pimpinan Ar-Rahman	“Dan gegarlah ke arahmu batang pohon tamar itu, supaya gugur kepadamu buah tamar yang masak.” ¹⁵⁷
Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim	“Dan goyangkanlah pangkal pohon kurma itu ke arahmu, nescaya pohon itu akan menggugurkan buah kurma yang masak kepadamu.” ¹⁵⁸
Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan	“Goyangkanlah batang pohon tamar itu, supaya gugur kepadamu buah tamar yang masak.” ¹⁵⁹

Perkataan yang menjadi topik perbincangan dalam ayat 25 Surah Maryam ialah *rutaban* dan kesemua terjemahan makna kalimah *rutaban* yang diberikan ialah buah tamar atau kurma. Ayat ini menceritakan kisah Maryam yang sarat mengandung dan diberikan kurniaan oleh Allah SWT untuk menghilangkan kegusaran beliau. Salah satu daripada kurniaan ialah *rutaban* seperti dinyatakan dalam ayat. Justeru *tafsir ‘ilmi* kepada ayat kemudiannya dirujuk bagi mendapatkan terjemahan makna yang lebih tepat bagi kalimah tersebut.

¹⁵⁷ Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, hlm. 752.

¹⁵⁸ *Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim*. 2009. Selangor: Al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd., hlm. 306.

¹⁵⁹ *Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan*. 2006. Selangor: Yayasan Restu, ed. Ke-2, hlm. 314.

Terdapat riwayat yang berkaitan dengan ayat tersebut dalam kitab Tafsir Ibn Kathir, antaranya:

Daripada ‘Urwah bin Ruwaym daripada ‘Ali bin Abi Talib RA berkata: Bersabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Muliakanlah kamu bapa saudara kamu iaitu pohon kurma, sesungguhnya ia diciptakan daripada tanah yang telah dijadikan Nabi Adam a.s, dan tiada dari pohon sesuatu pun dikahwinkan selainnya.*” Rasulullah SAW bersabda lagi: “*Berilah makan kepada isteri-isteri kamu yang hamil rutab, sekiranya tiada rutab maka dengan tamar, dan tiada daripada pokok satu pokok pun yang lebih dimuliakan Allah berbanding satu pokok yang berada di bawahnya Maryam, puteri Imran.*”

Namun kedudukan hadith ini adalah *munkar* (tidak diketahui) menurut Ibn ‘Adi kerana ‘Urwah bin Ruwaym dengan ‘Ali bin Abi Talib RA tidak bersambung¹⁶⁰ manakala al-Albani menghukumkannya sebagai *mawdu’* (palsu).¹⁶¹

‘Abbas Ibn al-Fadl berkata: “Aku bertanya Abu ‘Amr bin al-‘Ala’ tentang firmanNya (*rutaban janiyyan*), kemudian dia berkata: “Tidak kering airnya”. Menurut beliau tafsirannya ialah: Tidak kering, masih berair dan tidak jauh dari tangan pemetiknya; dan ini adalah yang benar.” Ibnu ‘Abbas pula berkata: “Ia adalah satu batang pokok yang buruk, apabila Maryam menggoncangnya dia melihat kepada batang yang paling tinggi di saat pelepah telah tumbuh. Kemudian dia melihat kepada mayang telah keluar dari celah pelepah yang kemudiannya kemudian menghijau menjadi (*balh*), kemudian bertukar merah menjadi (*zahw*) dan kemudian menjadi *rutab*; semuanya dalam sekelip mata, kemudian Dia menjadikan *rutab* berada di tangannya tidak pecah daripadanya sesuatu pun.”¹⁶²

¹⁶⁰ Al-Dimashqi, Isma‘il Bin ‘Umar, 2000, *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*, Kaherah: Muassasah Qurtubah, jld. 9, hlm. 236.

¹⁶¹ Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din, 1992, *Silsilah al-Ahadith al-Da‘ifah wa al-Mawdu‘ah wa Atharuha al-Sayyi’ fi al-Ummah*. Riyad: Maktabah al-Ma‘arif, jld. 1, hlm. 427.

¹⁶² Al-Qurtubi, Muhammad Bin Ahmad, 2006, *al-Jami‘ li Ahkam al-Qur’an*. Beirut: Muassasah al-Risalah, jld. 13, hlm. 435-436.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji kebanyakan pentafsiran para *mufasssir* terhadap ayat ini lebih tertumpu kepada kalimah *janiyyan*. Hal ini kerana kalimah *rutab* amat masyhur dalam kalangan orang Arab.

Dari sudut bahasa kalimah *rutab* merupakan jamak kepada *rutabah*¹⁶³ dan berada di bawah entri *rataba* (basah) yang merupakan lawan kepada *yabisa* (kering)¹⁶⁴ seperti yang dinyatakan Allah SWT dalam surah al-An'am, ayat 59:

﴿ وَعِنْدَهُ مَفَاتِحُ الْغَيْبِ لَا يُعَلِّمُهَا إِلَّا هُوَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَمَا تَسْقُطُ مِنْ وَرَقَةٍ إِلَّا يَعْلَمُهَا وَلَا حَبَّةٌ فِي ظُلْمَةٍ أَوْ فِي ظُلْمَةٍ أَرْضٍ وَلَا رَطْبٍ وَلَا يَابِسٍ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُبِينٍ ﴾

Maksudnya:

“Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dialah sahaja; dan ia mengetahui apa yang ada di darat dan di laut; dan tidak gugur sehelai daun pun melainkan ia mengetahuinya, dan tidak gugur sebutir biji pun dalam kegelapan bumi dan tidak gugur yang basah dan yang kering, melainkan (semuanya) ada tertulis di dalam Kitab (Lauh Mahfuz) yang terang nyata.”

Dikhususkan kalimah *rutab* dengan kebasahan tamar,¹⁶⁵ dalam erti kata lain *rutab* merupakan tamar yang tidak sempurna keringnya.¹⁶⁶ *Rutab* ada dua jenis¹⁶⁷; 1. Tidak menjadi *tamr* dan apabila lambat memakannya akan cepat rosak, 2. Menjadi *tamr* dan bertukar menjadi *'Ajwah* dan buah kering. Penjelasan tersebut menunjukkan *rutab* ialah salah satu daripada peringkat pematangan buah kurma.

Namun perkataan *rutab* tidak terdapat dalam Bahasa Melayu. Masyarakat secara umumnya mengenali perkataan buah kurma atau tamar sahaja di mana perkataan kurma merujuk

¹⁶³ Umar, Ahmad Mukhtar, 2008, *Mu'jam al-Lughah al-'Arabiyyah al-Mu'asirah*. Kaherah: 'Alam al-Kutub, jld. 1, hlm. 905.

¹⁶⁴ Al-Raghib al-Asfahani, t.th, *al-Mufradat fi Gharib al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, hlm. 197.

¹⁶⁵ Al-Raghib al-Asfahani, t.th, *al-Mufradat*, hlm. 197.

¹⁶⁶ Ibn 'Ashur, Muhammad al-Tahir, 1884 *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunisia: Dar al-Tunisiyyah, jld. 16, hlm. 88.

¹⁶⁷ Ahmad Muhammad, t.th, *al-Misbah al-Munir fi Gharib al-Syarh al-Kabir li al-Rafi'i*. Beirut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah, jld. 1, hlm. 230.

kepada sejenis tumbuhan (palma) yang buahnya manis dan boleh dimakan. Perkataan tamar pula merupakan kata pinjaman daripada bahasa Arab *tamr* yang bermaksud buah kurma.¹⁶⁸

Justeru fokus kajian adalah kepada kalimah *tamr* dan *rutab* kerana perkataan *rutab* disebut secara khusus oleh Allah SWT dalam ayat tersebut. Perbezaan antara dua perkataan tersebut dilihat amat ketara jika diperhatikan peringkat pematangan kurma.

Peringkat Pematangan Kurma

Kurma seperti yang diketahui mempunyai peringkat-peringkatnya sebelum masak ranum. Proses pematangan kurma secara umumnya terdiri daripada lima peringkat yang dikenali dengan istilah-istilah khusus dalam bahasa Arab. Penjelasan setiap peringkat tersebut adalah sebagaimana berikut¹⁶⁹: (rujuk Rajah 1)

i. Peringkat *Hababuk/Habimbu*:

Peringkat ini bermula secara langsung sejurus pengawinan benih dan memakan masa antara empat hingga ke lima minggu. Buah pada peringkat ini bersaiz kecil, berbentuk bulat dan berwarna putih kuning bersama jalur-jalur hijau.

ii. Peringkat *Kimri*:

Pada peringkat ini buah tersebut bertukar menjadi seperti bentuk telur, berwarna hijau dan rasanya adalah pahit.

iii. Peringkat *Busr/Khalal*:

¹⁶⁸ Noresah Baharom, 2005, *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1584.

¹⁶⁹ Al-Hadi, 'Abd al-Mun'im Fahim & Barakah, 1998, Dina Muhsin, *'Alam al-Nabat fi al-Qur'an al-Karim*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi, hlm. 186.

Buah pada peringkat ini telah mencapai saiz dan bentuknya yang akhir, warnanya kuning dan telah bercampur dengan warna merah sementara rasanya pula kelat. Peringkat ini berterusan dari minggu ketiga hingga minggu kelima.

iv. Peringkat *Rutab*:

Peringkat ini bermula selepas dua hingga empat minggu dari penghujung peringkat *khalal*. Istilah *rutab* digunakan apabila bahagian separuh buah tersebut menjadi berserat, sementara separuh yang lain kekal seperti mana keadaannya pada peringkat *khalal*. Keadaan buah juga berubah kepada lebih lembap kerana kandungan air paling tinggi berbanding kurma pada peringkat yang lain. Teksturnya yang lembut dan boleh terus dimakan sebagaimana telah diilhamkan kepada Maryam.

v. Peringkat *Tamr*:

Merupakan peringkat terakhir pematangan buah kurma setelah matangnya separuh yang kedua daripada *rutab* sebelumnya. Keadaannya lebih kering dan lebih keras berbanding *rutab*. Kandungan air di dalamnya juga telah berkurang.

Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang ketara antara *rutab* dan *tamr* terutama dari sudut kandungan air. Justeru bagi pengkaji istilah dalam bahasa Melayu yang sesuai bagi *rutab* ialah kurma basah manakala *tamr* pula ialah kurma kering. Hal ini diperkuatkan lagi dengan anjuran Nabi SAW supaya berbuka puasa dengan *rutab* terlebih dahulu berbanding *tamr* sebagaimana dalam satu riwayat hadith:

عن أنس بن مالك قال كان النبي صلى الله عليه وسلم يفطر قبل أن يصلي على رطبات فإن لم تكن رطبات فتميرات فإن لم تكن تميرات حسا حسوات من ماء.

Maksudnya:

Daripada Anas Bin Malik: “*Sesungguhnya Nabi berbuka puasa dengan beberapa rutab (kurma basah dan segar yang baru dipetik dari pokok) sebelum solat Maghrib, kalau tidak ada rutab, maka beliau berbuka dengan tamr (kurma kering), jika tidak ada, maka dengan meneguk beberapa tegukan air putih.*”¹⁷⁰ (Hadith riwayat al-Tirmidhi, disahihkan oleh al-Albani).

¹⁷⁰ Al-Tirmidhi, Muhammad ‘Isa, t.th, *Sunan al-Tirmidhi* [Kitab al-Şāwm, Bab Ma Ja’a Ma Yustahabb ‘Alayh al-Iftar, no hadith 696]. Riyad: Maktabah al-Ma’arif, hlm.174.

Pemilihan kata *rutab* sudah pasti mempunyai hikmah uluhiyyah dan rahmat terhadap kaum Muslimin. Akan tetapi kedua-dua kalimah *rutab* dan *tamr* yang secara umumnya disebut sebagai buah kurma dalam Bahasa Melayu menyebabkan seakan tiada perbezaan antara keduanya.

Pengkaji kemudiannya merujuk kepada fakta sains untuk mencungkil hikmah tersebut. Kajian menunjukkan jenis gula yang kebiasaan terdapat pada *rutab* (kurma basah) berbeza dengan kebiasaan yang terdapat pada *tamr* (kurma kering). Secara umum bahawa gula yang terdapat pada *tamr* kebiasaannya terdiri daripada dua jenis gula: monosakarida (glukosa) dan gula biosa (sukrosa). Diketahui bahawa glukosa paling mudah diserap dan paling cepat pemindahan ke dalam darah secara langsung. Penyerapan gula jenis ini dan pemindahannya ke dalam darah serta sampai kepada organ tubuh yang pelbagai hanya mengambil masa beberapa minit. Adapun gula biosa (sukrosa) yang terdapat pada *tamr* akan bertukar kepada glukosa dengan proses biokimia sehingga mereka dapat bergerak dalam darah untuk mencapai tujuan yang diperlukan daripada mereka. Hal ini jelas bahawa masa yang diperlukan untuk penggunaan gula *bilateral* lebih lama berbanding dengan glukosa.¹⁷¹

Jadual 1.0 menunjukkan kandungan gula pada jenis buah yang berbeza pada peringkat *rutab* dan *tamr*. Dapat dilihat bahawa *rutab* mengandungi peratusan glukosa yang sangat tinggi maka kesannya lebih cepat, sementara *tamr* mengandungi peratusan gula biosa yang tinggi, yang memerlukan masa yang lebih lama untuk ditukar melalui pencernaan menjadi glukosa dan di sini menunjukkan kebesaran Rasulullah SAW ketika baginda meminta umat Islam untuk menjadikan berbuka puasa di bulan Ramadan dengan beberapa biji *rutab*. Allah SWT juga telah memerintahkan Maryam untuk makan *rutab* pada saat sakit bersalin sebagai keperluan segera untuk kudrat yang diperlukan oleh proses kelahiran.¹⁷² Jadual 2.0 pula menunjukkan masyarakat Saudi juga mengutamakan memakan *rutab* berbanding *tamr* dan *busr*.

Jadual 1.0: Kandungan gula pada jenis kurma yang berbeza pada peringkat *rutab* dan *tamr*:

¹⁷¹ Al-Radiman, Khalid bin Nasir, "Asrar al-Iftar 'Ala al-Rutab wa al-Tamr fi Ramadan", dicapai 24 Oktober 2010, <http://www.sacorganic.org/organic3.htm>

¹⁷² Al-Radiman, "Asrar al-Iftar 'Ala al-Rutab".

Jumlah gula (% berat bersih)	Sukrosa (% berat bersih)	Glukosa (% berat bersih)	Jenis
83.19	0	83.19	البرحي (رطب)
78.28	4.98	73.3	خنيزي (رطب)
81.72	0.76	80.96	حلايا (رطب)
79.25	1.1	77.15	سكرة ينبع (رطب)
83.1	5.43	77.67	حلوة (رطب)
77.08	1.84	75.24	بوكيرة (رطب)
79.9	0	79.9	إخلاص (رطب)
77.82	29.38	48.44	إخلاص (تمر)
75.15	22.18	52.97	صفري (تمر)
76.55	29.6	46.95	بريم (تمر)
78.25	1.05	77.2	نبوت سيف (رطب)
78.7	23.6	45.1	نبوت سيف (تمر)
74.63	22.94	51.69	عجوة المدينة
80.02	3.15	76.87	رزيز (رطب)
82.2	0	82.2	خضراوي (رطب)
76.55	29.60	46.95	برني (تمر)
79.82	40.15	39.67	صقعي (تمر)

Sumber: <http://www.sacorganic.org/organic3.htm>

Jadual 2.0: Pengutamaan masyarakat al-Saudi memakan *rutab* berbanding *tamr* dan *busr*

Peringkat	<i>Busr</i>	<i>Rutab</i>	<i>Tamr</i>
Peratus Keutamaan	30.6 %	63.3 %	6.1 %

Sumber: <http://www.sacorganic.org/organic3.htm>

Berdasarkan fakta yang telah diberikan, ternyata penterjemahan makna *rutab* dalam ayat tersebut tidak tepat apabila diterjemahkan sebagai buah kurma atau tamar. Buah kurma merupakan ungkapan umum bagi menunjukkan jenis manakala *tamr* pula adalah buah kurma yang kering. Justeru cadangan terjemahan makna alternatif bagi perkataan *rutab* ialah buah kurma basah dan diberikan sedikit penjelasan tentang keadaannya.


RUMUSAN

Berdasarkan fakta yang telah diberikan telah berlaku ketidak tepatan dalam penterjemahan makna *al-rutab* dalam ayat tersebut apabila diterjemahkan sebagai buah kurma atau tamar sedangkan buah kurma adalah ungkapan bagi kata jenis manakala *tamr* pula adalah buah kurma yang kering. Justeru terjemahan makna yang disyorkan bagi perkataan *al-rutab* ialah buah kurma basah.

Begitulah peri penting *tafsir 'ilmi* dalam penterjemahan semula makna al-Quran supaya hikmah Ilahiyyah dapat ditonjolkan dan mengelakkan masyarakat tersilap dalam memahami ayat tersebut. Malahan non-Muslim juga akan menyedari bahawa al-Quran merupakan mukjizat yang paling agung di mana terdapat banyak rahsia yang belum tersingkap di dalamnya.

Lampiran

Rajah 1: Peringkat kematangan buah kurma secara kasar. Sumber: <http://www.sacorganic.org/organic3.htm>



RUJUKAN

- ‘Ammar, Ahmad Mukhtar (2008), *Mu‘jam al-Lughah al- ‘Arabiyyat al-Mu ‘asarat*. Kaherah: ‘Alam al-Kutub.
- ‘Atar, Nur al-Din (1993), *‘Ulum al-Qur’an al-Karim*. Dimashq: Matba‘at al-Sabah.
- ‘Umar, Ahmad Mukhtar (2008), *Mu‘jam al-Lughah al-‘Arabiyyah al-Mu‘asirah*. Kaherah: ‘Alam al-Kutub.
- Abdul Rashid Ahmad (2009), Aspek-Aspek Kemukjizatan al-Quran, *Jurnal al-Bayan*, jld.7, hlm. 35-58.
- Ahmad Muhammad (t.t), *al-Misbah al-Munir fi Gharib al-Syarh al-Kabir li al-Rafi‘i*. Beirut: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah.
- Al-Albani, Muhammad Nasir al-Din (1992), *Silsilah al-Ahadith al-Da‘ifah wa al-Mawdu‘ah wa Atharuha al-Sayyi’ fi al-Ummah*. Riyad: Maktabah al-Ma‘arif.
- Al-Dimashqi, Isma‘il Bin ‘Umar (2000), *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*, Kaherah: Muassasah Qurtubah.
- Al-Fayruzabadi, Muhammad Ibn Ya‘qub (2005), *al-Qamus al-Muhit*. Beirut: Muassasat al-Risalah, ed. Ke-8.
- Al-Hadi, ‘Abd al-Mun‘im Fahim & Barakah (1998), Dina Muhsin, *‘Alam al-Nabat fi al-Qur’an al-Karim*. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabi.
- Al-Najjar, Zaghlul (2007), *Tafsir al-Ayat al-Kawniyyat fi al-Qur’an al-Karim*. Kaherah: Maktabat al-Shuruq al-Dawliyyat.
- Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan* (2006), Selangor: Yayasan Restu, ed. Ke-2.
- Al-Qurtubi, Muhammad Bin Ahmad (2006), *al-Jami‘ li Ahkam al-Qur’an*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Radiman, Khalid bin Nasir, “Asrar al-Iftar ‘Ala al-Rutab wa al-Tamr fi Ramadan”, dicapai 24 Oktober 2010, <http://www.sacorganic.org/organic3.htm>
- Al-Raghib al-Asfahani (t.t.), *al-Mufradat fi Gharib al-Qur’an*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- Al-Tirmidhi, Muhammad ‘Isa (t.t.), *Sunan al-Tirmidhi*. Riyad: Maktabah al-Ma‘arif
- Ibn ‘Ashur, Muhammad al-Tahir (1884), *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunisia: Dar al-Tunisiyyah.

- Mohd Shukri Hanapi (2003), *Terjemahan al-Quran Dalam Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Muhammad Nur Lubis Abd Razak (2004), *Penterjemahan Makna Al-Quran: Kajian Ke Arah Melahirkan Kaedah Penterjemahan Makna al-Quran*. (Tesis PhD, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. hlm. 12.
- Mustafa Muslim (1996), *Mabahith fi I'jaz al-Qur'an*. Riyad: Dar al-Muslim li al-Nashr wa al-Tawzi', ed. Ke-2.
- Noresah Baharom (2005), *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salah 'Abd al-Fattah al-Khalidi (2008), *Ta'rif al-Darisin bi Manahij al-Mufassirin*. Dimashq: Dar al-Qalam, ed. Ke-3.
- Tantawi Jawhari (1922), *al-Jawahir fi Tafsir al-Qur'an al-Karim*. T.tp: Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladihi bi Misr.
- Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim* (2009), Selangor: Al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.
- Zulkifli Mohd Yusoff (2009), *Kamus al-Quran: Rujukan Lengkap Kosa Kata Dalam al-Quran*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.